

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

STU431 - Dasar Perancangan Sosial

Tarikh: 2 November 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
(3 jam)

---

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Setiap soalan mempunyai jumlah markah yang sama.

1. Bandingkan teknik-teknik kos-faedah (cost-benefit techniques) dengan kaedah PPBS (Perancangan - Program - Belanjawan - Sistem).
2. Beri definisi analisa sistem, dan nyatakan bagaimana ia digunakan di dalam perancangan kebijakan masyarakat.
3. (a) Berikan definisi dan penjelasan kepada petunjuk-petunjuk sosial (social indicators) dan tinjauan sosial (social surveys) serta bandingkan kedua-dua konsep tersebut.  
(b) Beri empat contoh bagi setiap petunjuk-petunjuk sosial berikut: demografi, perumahan, kesihatan, pendidikan dan kemiskinan.
4. Berikan definisi "cara membuat keputusan rasional" (rational decision making) yang dinyatakan oleh Alfred Kahn dan "mixed scanning" yang dimajukan oleh Amitai Elzioni serta bandingkan antara kedua-dua konsep ini.
5. Analisa masalah seharusnya berasaskan kepada teknik-teknik pengumpulan data yang baik. Beri satu kesimpulan tentang "kaedah-kaedah asas dalam mengumpul maklumat", (basic methods of collecting information) seperti yang dijelaskan di dalam laporan Liga Bandar-Bandar California.
6. Apakah kritikan-kritikan tentang pendekatan Ekonomi terhadap Kebajikan? Berdasarkan kepada pengalaman anda berikan dua contoh untuk menjelaskan kesahihan kritikan-kritikan tersebut.